

19 JUL 1998

Mahathir-KLIA

DR MAHATHIR ADAKAN LAWATAN MENGEJUT KE KLIA

SEPANG, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan lawatan mengejut ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini bagi meninjau operasi keseluruhan lapangan terbang itu.

Antara tempat yang beliau lawati ialah tempat letak kereta dan gerai makanan yang terletak di Tingkat Dua terminal utama KLIA.

Ketika ditemui RTM selepas lawatan itu, Dr Mahathir berkata: "Nampak semakin baik...adalah sedikit (masalah) di sana sini tetapi umumnya berjalan dengan baik."

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan operasi KLIA, Perdana Menteri berkata: "Saya tak pernah puas hati...tapi puas hati jugaklah...dah semakin baik. Memandangkan ia satu kemudahan (lapangan terbang) baru yang besar...tak mudahlah nak sekaligus berjalan dengan begitu licin."

Beliau turut berpuas hati dengan gerai makanan di KLIA.

"Pusat gerai makanan nampak bagus...nampak menarik," kata beliau.

Perdana Menteri yang diiringi Pengerusi Malaysia Airports Berhad (MAB) Tan Sri Bashir Ismail dan Pengarah Urusan MAB Datuk Khairuddin Ibrahim menghabiskan masa hampir sejam melawat KLIA.

Ketika ditanya mengenai lawatan beliau ke tempat letak kereta KLIA, Dr Mahathir berkata beliau ingin melihat keberkesanan sistem letak kereta di situ dan melihat sama ada ia digunakan oleh orang ramai.

Lapangan terbang bernilai RM9 bilion itu dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada 27 Jun lepas.

Terdahulu itu, Perdana Menteri melawat Taman Tanah Lembap di Paya Indah, Kuala Langat yang terletak hanya beberapa kilometer dari KLIA.

Taman seluas 3,200 hektar itu terletak di kawasan hutan paya gambut termasuk bekas lombong bijih dan pasir. Ia merupakan taman santuari pertama di negara ini.

Dr Mahathir juga sebelum itu melawat projek litar lumba kereta Formula One berdekatan KLIA.

Perdana Menteri berkata projek itu berjalan lancar dan dijangka siap Oktober ini.

-- BERNAMA

NY NAK